

1**Siapakah pemberi pinjam wang?**

Pemberi pinjam wang ialah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan pinjaman wang yang didaftarkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400].

2**Siapakah yang tidak dikira sebagai pemberi pinjam wang?**

Seseorang yang sekali-sekala memberi pinjam wang bukanlah seorang pemberi pinjam wang. Suatu bentuk pinjaman wang dikehendaki dibuktikan sebelum seseorang itu ditakrifkan sebagai pemberi pinjam wang. Institusi yang berikut tidak dikategorikan sebagai pemberi pinjam wang:

- (a) mana-mana institusi yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis dan termasuk pihak berkuasa tempatan;
- (b) koperasi;
- (c) institusi bank;
- (d) syarikat insurans;
- (e) syarikat takaful;
- (f) kedai pajak gadai; dan
- (g) sesiapa yang menjalankan perniagaan yang objektif utamanya bukan perniagaan pinjaman wang.

Institusi-institusi di atas dikawal oleh undang-undang khusus.

3**Apakah syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh pemberi pinjam wang?**

Pemberi pinjam wang hendaklah mematuhi syarat yang berikut:

- (a) Lesen
Seksyen 15 Akta 400 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menjalankan perniagaan pemberi pinjam wang hendaklah mempunyai lesen. Apa-apa kontrak bagi pembayaran balik wang yang dipinjam tanpa lesen tidak boleh dikuatkuasakan. Bagaimanapun, pinjaman yang dilakukan oleh ejen boleh dikuatkuasakan jika transaksi tersebut dilakukan bagi pihak prinsipal yang mempunyai lesen.

- (b) Buku Akaun Tetap
Pemberi pinjam wang hendaklah, menurut **seksyen 18 Akta 400**, menyimpan dengan teratur tiap-tiap akaun peminjam. Akaun tersebut hendaklah secara urutan ditulis dengan angka dan perkataan yang jelas. Akaun tersebut tidak boleh memudahkan penghapusan, penyisipan atau penggantian mana-mana muka surat. Mana-mana pemberi pinjam wang yang tidak mematuhi kehendak tersebut tidak boleh menguatkuasakan tuntutan-tuntutan mereka.

- (c) Penyata Kira-kira
Pada bila-bila masa selagi berkuatkuasanya kontrak pinjaman wang, pihak pemberi pinjam wang hendaklah membekalkan kepada peminjam jika diminta, penyata kira-kira yang mengandungi perkara yang berikut:

- (i) tarikh pinjaman, jumlah pinjaman dan kadar faedah setahun atau jumlah kadar faedah yang dikenakan;
- (ii) jumlah apa-apa bayaran yang telah dibuat dan tarikh bayaran tersebut;
- (iii) jumlah dan kadar bunga yang tertunggak dan tarikh tertunggak; dan
- (iv) jumlah yang belum tertunggak yang masih terhutang dan tarikh patut dibayar.

Kegagalan pemberi pinjam wang mematuhi syarat-syarat di atas boleh menyebabkan mereka tidak boleh menguatkuasakan hak-hak mereka di bawah Akta 400.

Bagi maksud ini, suatu penyata kira-kira seperti di Lampiran 'A' adalah memadai.

4**Sekiranya pemberi pinjam wang ingin mengambil tindakan di mahkamah terhadap peminjam, apakah butir-butir yang mesti dikemukakan?**

Menurut Aturan 45 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 berhubung dengan tindakan yang diambil oleh pemberi pinjam wang, penyata tuntutan hendaklah menyatakan –

- (a) tarikh pinjaman itu dibuat;
- (b) jumlah sebenar pinjaman;
- (c) bentuk pinjaman;
- (d) kadar faedah setahun;
- (e) tarikh pembayaran balik;

- (f) fakta yang menunjukkan adanya nota atau memorandum kontrak dibuat dan ditandatangani oleh peminjam;
- (g) fakta yang menunjukkan pengesahan bahawa nota atau memorandum itu telah diserahkan kepada peminjam sebelum wang dipinjamkan;
- (h) jumlah yang telah dibayar;
- (i) jumlah yang tertunggak tetapi belum dibayar;
- (j) tarikh bagi jumlah yang tertunggak patut dibayar; dan
- (k) jumlah kadar faedah yang terakru dan belum dibayar.

Di samping itu juga, pemberi pinjam wang dikehendaki di bawah **seksyen 21 Akta 400**, untuk menyediakan penyata kira-kira seperti di Lampiran 'A'.

5**Apakah hak-hak dan tanggungan peminjam?**

- (a) *Faedah Berganda*

Pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh peminjam wang yang mengenakan faedah berganda adalah tidak sah dari segi undang-undang, begitu juga jika mengenakan kadar atau jumlah kadar faedah yang meningkat disebabkan oleh kegagalan membayar pada tarikh yang ditetapkan (**seksyen 17 Akta 400**).

- (b) *Kadar Faedah*

Menurut **seksyen 17A Akta 400**, kadar faedah bagi pinjaman tanpa cagaran tidak boleh melebihi 18 peratus setahun dan bagi yang bercagar tidak melebihi 12 peratus setahun. Walau apa pun keadaannya, sama ada transaksi tersebut berkuat kuasa atau tidak, apa-apa jumlah kadar faedah yang melebihi jumlah yang telah ditetapkan tidak boleh dituntut oleh peminjam wang.

- (c) *Perjanjian*

Di bawah **seksyen 16 Akta 400**, sebelum sesuatu perjanjian pinjaman wang boleh dikuatkuasakan, perjanjian tersebut hendaklah ditandatangani oleh pihak-pihak kepada perjanjian tersebut. Di samping itu, mestilah terdapat keterangan yang menunjukkan pengesahan bahawa perjanjian yang telah disetemkan telah diberikan kepada peminjam sebelum wang diserahkan.

- (d) *Pengakusaksian Nota Janji Hutang Yang Tertentu*

Apabila nota janji hutang dipegang sebagai cagaran dan peminjam ialah seorang yang tidak memahami apa yang ditulis atas nota tersebut, maka Akta 400 menghendaki nota tersebut diaku saksi oleh sama ada peguam bela, peguam cara, pegawai kehakiman dan perundangan, pegawai daerah, jaksa pendamai, pesuruhjaya sumpah atau mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri untuk tujuan tersebut. Wang yang dipinjamkan itu hendaklah diserahkan semasa kehadiran pengaku saksi. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemberi pinjam wang tidak boleh menguatkuasakan perjanjian tersebut (**seksyen 27 Akta**).

- (e) *Larangan Caj Bagi Perbelanjaan Ke Atas Pinjaman*

Selain duti setem, fi yang dibenarkan oleh undang-undang dan kos guaman yang berkaitan dengan pinjaman, tiada caj yang boleh dikenakan oleh pemberi pinjam wang (**seksyen 23 Akta 400**).

6**Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan untuk membela peminjam terhadap tuntutan yang dibuat oleh pemberi pinjam wang?**

Boleh. Sila datang ke cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berhampiran dan bawa dokumen yang berikut:

- (a) kad pengenalan;
- (b) penyata kira-kira;
- (c) nota atau memorandum berkaitan dengan pinjaman;
- (d) resit pembayaran balik pinjaman; dan
- (e) dokumen lain yang berkaitan.

JADUAL PERTAMA
Pokok Dan Kadar Faedah

Pokok	Tarikh Pinjaman	Kadar Faedah Setahun Atau Jumlah Kadar Faedah

Pembayaran Balik

Jumlah dibayar	Tarikh
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	

Jumlah Tertunggak

Pokok	Tarikh Perlu Dibayar	Kadar Faedah	Tarikh Patut Dibayar
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			

Jumlah Yang Belum Tertunggak

Pokok	Tarikh Pinjaman	Kadar Faedah Setahun Atau Jumlah Kadar Faedah
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

IBU PEJABAT
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA
NO. TELEFON : 03-88851000
NO. FAKSIMILE : 03-88851829 / 1830 / 1831
LAMAN WEB : www.jbg.gov.my
SMS : Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

CATATAN :
 RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

HAK-HAK PEMINJAM DI BAWAH AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951



Diterbitkan oleh
JABATAN BANTUAN GUAMAN